

UMNO Johor: Othman Saat terima tawaran Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat telah pun menghantarkan sepucuk telegram kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan persetujuannya memegang jawatan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri, berkata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menerima telegram tersebut petang ini dan menyebut bahawa Tan Sri Haji Othman bersetuju perlantikan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir menawarkan jawatan tersebut kepada Tan Sri Haji Othman selepas beliau mengumumkan perlantikan Datuk Musa Hitam sebagai Ketua Perhubungan UMNO Johor yang baru.

Tan Sri Haji Othman dengan sukarela meletakkan jawatan Ketua Perhubungan ming-

gu lalu bagi memberi peluang kepada pucuk pimpinan melantik pemimpin yang baru.

Sebelum ini, Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden UMNO hanya memegang jawatan Timbalan Ketua manakala Tan Sri Haji Othman sebagai ketua.

Ketua Bahagian UMNO Sri Gading, Encik Mustafa Mohamad ketika dihubungi mengalukan keputusan pucuk pimpinan parti dalam perlantikan tersebut.

Katanya, perlantikan tersebut secara tidak langsung akan dapat meredakan suasana politik negeri tersebut.

Encik Mustafa yang juga Ahli Parlimen Sri Gading mengucapkan tahniah kepada Datuk Musa atas perlantikannya.

"Tidak syak lagi perlantikan tersebut akan mengukuhkan perpaduan UMNO negeri tersebut dan juga akan memberi nafas baru kepada ahli-ahli UMNO keseluruhannya," tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib